

Soalan No: 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

TARIKH : 31.7.2017

SOALAN :

Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana perancangan Kementerian dalam menilai tahap kesihatan mental seseorang pelajar bagi mengelakkan berlakunya tekanan jiwa yang kuat, stres yang tak terkawal dan tindakan ganas seperti buli yang boleh mendatangkan bahaya serta kematian kepada pelajar lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesejahteraan mental dan emosi murid. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah turut memberi fokus kepada psikososial dan kesejahteraan mental dalam pembangunan sahsiah diri murid. Antara program yang dilaksanakan ialah Program Minda Sihat bagi mengenal pasti tahap *stress* murid dan meningkatkan daya tindak murid menghadapi stress.

Program Minda Sihat dilaksanakan di sekolah menengah dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia, secara berfokus untuk semua murid di Tingkatan 4 dan turut dilaksanakan kepada murid-murid lain mengikut keperluan semasa murid. Program ini bertujuan memperkasakan murid menangani *stress* cabaran kehidupan sehari-hari dengan berkesan melalui kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan teknik relaksasi bagi membantu menangani gangguan perasaan dan kecelaruan minda. Di dalam program ini, saringan minda sihat dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling bagi mengenal pasti tahap stress, keresahan dan kemurungan dalam kalangan murid. Jika hasil saringan minda sihat kali kedua menunjukkan murid ada tanda-tanda stress, kemurungan yang teruk atau tanda-tanda awal minda tidak sihat, pentadbir sekolah dan ibu bapa/penjaga akan dicadangkan untuk merujuk murid berkenaan kepada Pakar Psikitrik Hospital atau Klinik-klinik Kesihatan.